

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 30, 2019 4:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SISWAPRENEUR SHOWCASE 2019 ZON UTARA JADI PLATFORM AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 OKTOBER 2019 / 2 RABIULAWWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: CEDI

SISWAPRENEUR SHOWCASE 2019 ZON UTARA JADI PLATFORM AKTIVITI KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia perlu meningkatkan usaha dengan menghasilkan graduan yang boleh mencipta pekerjaan dan bukannya mencari pekerjaan.

Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dato' Kamel Mohamad berkata, salah satu kaedah mencapai sasaran ini adalah dengan mengambil tanggungjawab melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keusahawanan dengan sekurang-kurangnya lima peratus daripada mereka mampu muncul sebagai usahawan muda yang berdaya saing.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Siswapreneur Showcase 2019 Zon Utara di Mydin Mall, Bukit Mertajam, Pulau Pinang baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk menempuh dunia sebenar bidang keusahawanan.

Siswapreneur Showcase 2019 Zon Utara ini juga adalah platform kepada pelajar untuk mempromosikan dan menjual produk jualan mereka secara langsung di sini.

Program ini merupakan program anjuran KPM dan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah dilantik untuk menjadi penyelaras bersama bagi Zon Utara.

Program yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober ini melibatkan tujuh IPTA dan IPTS Zon Utara iaitu UNIMAP, USM, UITM Merbok, UITM Arau, UPSI, Universiti Terbuka Wawasan, UNISHAM, selain 11 wakil daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Program ini juga turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Bengkel Sabun Arang, persembahan nasyid, Future Science Program, pertunjukan fesyen, UROCK Demonstration Exhibition dan persembahan busking.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.